

**JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN
JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

SYARAT-SYARAT TAWARAN:

RUJUKAN SEBUT HARGA: JPP/1/3/16/1/26-27

TAJUK SEBUT HARGA:

**"TAWARAN SEBUT HARGA – PENERBITAN VIDEO DAN GRAFIK BAGI PENGURNIAAN
ANUGERAH INOVASI PERDANA SEMPENA HARI PERKHIDMATAN AWAM KE-33,
TAHUN 2026 "**

**BAYARAN TAWARAN: BND \$5.00
(Tidak dikembalikan)**

1. Dibukakan kepada semua pembekal-pembekal dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan Sistem ARIBA, TAFIS 2.0
2. Bagi syarikat yang berhasrat untuk mendapatkan dokumen sebut harga tersebut hendaklah mengisi Borang Penyertaan Penender pada pautan:



3. Selepas mengisi borang, Penender akan menerima e-mel nombor rujukan bagi urusan pembayaran.
4. Pembekal / Syarikat hendaklah membayar yuran sebut harga yang ditetapkan sebanyak **BND\$5.00 sahaja (tidak akan dikembalikan)** kepada pembekal sama ada berjaya dalam tawaran atau tidak.
5. Pembayaran tawaran sebut harga boleh dibuat secara dalam talian melalui Portal OCBS atau Aplikasi BIBD. Tatacara membuat pembayaran boleh diperolehi pada pautan:



6. Bukti resit pembayaran hendaklah diemel kepada upk.msd@msd.gov.bn untuk mendapatkan dokumen Sebut harga dengan maklumat dan dokumen yang lengkap seperti di bawah:

- Emel Pembekal / Syarikat
- Nama Pembekal / Syarikat
- Nama, Emel dan Nombor Telefon Contact Person
- Nombor Bilangan Pendaftaran Pembekal / Syarikat (ROCBN)

Emel yang diterima akan diproses dalam tempoh satu (1) hari waktu bekerja.

Manakala proses pendaftaran bagi pembekal baru dalam One Common Billing System (OCBS) akan memerlukan tambahan satu (1) hari waktu bekerja.

7. Dokumen-dokumen tawaran sebut harga akan dihadapkan kepada syarikat / pembekal melalui emel sahaja dalam tempoh satu (1) hari waktu bekerja setelah menerima bukti resit pembayaran kepada emel: upk.msd@msd.gov.bn.
8. Borang tawaran sebut harga hendaklah dimasukkan dalam sampul surat dan hendaklah ditutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat. Pada sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini dengan jelas. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran dan di alamat seperti berikut:

**PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUT HARGA JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN,
BLOK C, TINGKAT 5, BANGUNAN
BAHIRAH, JALAN DEWAN MAJLIS,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BB3910**

9. Setiap borang tawaran sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan mana-mana pembetulan hendaklah ditandatangani bersama cop syarikat.
10. Tarikh tutup tawaran ialah pada **Hari Rabu, 24hb. Jun 2026, jam 2.00 petang**. Mana-mana tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
11. **Syarikat / Pembekal** yang ikut serta dalam tawaran sebut harga ini adalah **bertanggungjawab** bagi memastikan Sijil Pendaftaran Perniagaan **masih sah laku** sebelum membuat pembelian dokumen tawaran.
12. **Syarikat / Pembekal** hendaklah menyertakan **Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan, Salinan Resit Pembayaran dan dokumen-dokumen yang dinyatakan di dalam dokumen tawaran sebut harga**. Kegagalan Syarikat / Pembekal dalam menyediakan boleh menyebabkan tawaran yang dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.
13. Jika ada sebarang pertanyaan lanjut mengenai dengan tatacara ikut serta bagi tawaran sebut harga, pembekal atau syarikat berkenaan boleh menghubungi di talian 2382064 sambungan 612.
14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau lain-lain sebut harga.